

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan dengan detail status projek pembinaan Loji Bilut dan Loji Sementara daripada peruntukan pinjaman Kerajaan Pusat RM18 juta kepada negeri Pahang (Progress, Milestone, Critical Part dan Time Frame).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Di dalam *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM18 juta secara pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi Projek Kerja-Kerja Segera Mengatasi Kekeruhan Yang Tinggi di Loji Rawatan Sg. Bilut, Sg. Semantan dan Sg. Klau. Projek ini adalah di bawah pelaksanaan Kerajaan Negeri Pahang yang dijangka bermula pada September 2020 dan siap pada Ogos 2021. Oleh itu, Kementerian memohon agar Kerajaan Negeri dapat menyegerakan pelaksanaan projek ini demi kesejahteraan rakyat di Negeri Pahang.

Sekian. Terima kasih.